

17 SEP 1996

Halim-Rakam (Bergambar)

TIGA PERKARA AKAN DITINGKATKAN, KATA KSN

KUALA LUMPUR, 17 Sept (Bernama) -- Kualiti perkhidmatan, pentadbiran kewangan dan kerjasama dengan sektor swasta merupakan tiga perkara utama yang akan ditingkatkan dalam sektor awam, kata Ketua Setiausaha Negara Datuk Abdul Halim Ali, hari ini.

Bercakap di majlis sambutan oleh kakitangan Jabatan Perdana Menteri di sini, beliau berkata peningkatan itu akan diusahakan hingga tercapai sepenuhnya selaras dengan pesanan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepadanya baru-baru ini.

Abdul Halim, 53, yang menggantikan Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid, memulakan tugas barunya sebagai Ketua Setiausaha Negara hari ini, selepas memasuki pejabatnya pada 7.59 pagi ini.

Katanya, kerjasama daripada semua kakitangan jabatan dan agensi di bawahnya amat diperlukan untuk mencapai kecemerlangan dalam sektor perkhidmatan awam.

Menurut beliau peningkatan kualiti perkhidmatan awam bermakna beberapa kelemahan yang ada diperbetulkan manakala dari segi pentadbiran kewangan beberapa jabatan yang mempunyai masalah akan diperbaiki.

Beliau juga berkata kerjasama dengan sektor swasta perlu ditingkatkan demi menjayakan konsep Persyarikatan Malaysia yang ditekankan oleh Perdana Menteri.

Abdul Halim, yang sebelum ini Ketua Setiausaha Kementerian Luar, merupakan ketua setiausaha paling singkat pernah menyandang jawatan itu iaitu selama 21 hari sebelum bertukar ke Jabatan Perdana Menteri. --

BERNAMA

HJ OBA